



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PENGUNAAN UNGKAPAN *AL-AUJ'AH 'INDĪ* DI SISI ZAKARIYYA AL-KĀNDAHLAWI: TUMPUAN TERHADAP KARYA *AL-ABWĀB WA AL-TARĀJIM LI ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRĪ*

The Approach of Al-Kāndahlawi's "*Al-Aujah 'Indī*": Focus on *Al-Abwāb wa Al-Tarājim li Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* Scripture

Mohd Aashif Ismail*, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

*mohdaashifismail@gmail.com (Corresponding author)

Abstrak

Salah faham maksud yang ingin disampaikan oleh pengkarya boleh menyebabkan berlaku kekeliruan. Kecuaian dalam memahami maksud tersirat seseorang pengkarya boleh menimbulkan pelbagai reaksi negatif dalam kalangan masyarakat. Sebagai salah seorang tokoh ilmuan dalam bidang hadis, *kalām al-ujah 'indī* al-Kāndahlawi juga boleh menyebabkan seseorang itu terkeliru daripada memahami maksud sebenar beliau. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti maksud sebenar dan *murād* al-Kāndahlawi di sebalik penggunaan perkataan *al-ujah 'indī* di dalam karya beliau *al-Abwāb wa al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif secara analisis karya *al-Abwāb wa al-Tarājim li Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* garapan al-Kāndahlawi. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa ungkapan *al-ujah 'indī* al-Kāndahlawi terbahagi kepada tujuh bahagian. Pertama, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Ḥukum*. Kedua, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Tarjamah Al-Muqayyadah*. Ketiga, *Al-Aujah 'Indī Li Ta'kīd Al-Aqwāl Al-Jahābidhah*. Keempat, *Al-Aujah 'Indī Li Radd Aqwāl Al-Jahābidhah*. Kelima, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Tarjamah*. Keenam, *Al-Aujah 'Indī Fī Bayān Barā'ah Al-Ikhtitām*. Ketujuh, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Hadis*.

Kata Kunci: Al-Kāndahlawi, *al-Aujah 'Indī*, al-Bukhari, Teks Hadis

Abstract

Misconceive of intended interpretation tendered by the author could give rise to defectiveness of understanding and disorder. Inattentiveness in acknowledging the oblique or implied meaning intended by the author could precipitate profuse repercussion within society. Being one of the renowned Hadith scholars, *kalām al-ujah 'indī*, al-Kāndahlawi is also not spared from begetting misconception of his intended interpretation from his writing. Premised on this presence, this research is intended to actuate understanding of the word '*al-ujah 'indī*' in his book, '*al-Abwāb wa al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*'. This research is conducted exclusively employing Library Research method. The outcome of this research verified that *al-ujah 'indī* al-Kāndahlawi is disjoined into seven (7) branches as follow: *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Ḥukum*, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Tarjamah Al-Muqayyadah*, *Al-Aujah 'Indī Li Ta'kīd Al-Aqwāl Al-Jahābidhah*, *Al-Aujah 'Indī Li Radd Aqwāl Al-Jahābidhah*, *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Tarjamah*, *Al-Aujah 'Indī Fī Bayān Barā'ah Al-Ikhtitām* and *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Hadis*.

Keywords: Al-Kāndahlawi, *al-Aujah 'Indī*, al-Bukhari, Hadith Texts

PENDAHULUAN

Penggunaan ungkapan tertentu dalam sesebuah karya perlu diberikan perhatian sebaik mungkin oleh pembaca. Ini kerana ungkapan tersebut boleh jadi mempunyai beberapa maksud lain. Boleh jadi pengarang mempunyai maksud tertentu ketika membahaskan beberapa isu tertentu. Contohnya al-Kāndahlawi yang kerap kali menggunakan perkataan *al-ujah 'indī* ketika menyatakan pendirian beliau. Sebagaimana yang telah maklum

bahawa ungkapan *al-aujāh ʿindī* merupakan salah satu ungkapan *tarjīh* (al-Zafīrī 2002). Oleh itu *tarjīh* yang telah digunakan oleh al-Kāndahlawī tersebut dapat diklasifikasikan kepada beberapa bahagian (Aashif 2022). Disamping klasifikasi tersebut, ungkapan tersebut juga membawa maksud tertentu. Dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk merungkaikan *murād* (kehendak) al-Kāndahlawī disebalik ungkapan *al-aujāh ʿindī* tersebut.

Latar Belakang al-Kāndahlawī

Nama penuh beliau ialah Muhammad Zakariyya bin Muhammad Yahya Bin Muhammad Ismail bin al-Tabīb Ghulām Muhyuddin bin Muhammad Sājīd bin Fayd Muhammad bin Syah Muhammad Syarif bin Muhammad Asyraf bin Jamāl Muhammad bin Nur Muhammad. Nur Muhammad lebih dikenali sebagai Ibn Syah bin Baā' al-Dīn bin Syah Muhammad. Beliau berketurunan dari Abu Bakr al-Siddiq (Al-Kāndahlawī 2003). Beliau dilahirkan di Kandahlah pada malam tanggal 12 Februari 1898 Masihi bersamaan dengan 10 hari sebelum Ramadan tahun 1315 H. Beliau meninggal pada waktu petang 25 Mei 1982 M, jam 5.40 petang, lebih kurang sejam sebelum maghrib. Beliau dikebumikan selepas solat Insyak pada hari yang sama di tanah perkuburan Baqī'. Bersebelahan dengan kubur guru beliau, Syeikh Khalil Aḥmad al-Saharāfūrī (Al-Kāndahlawī 2012). Menurut Syāhid (2010), hasil garapan beliau mencecah seratus karya. Ini menunjukkan keserjanaan beliau dalam lapangan keilmuan serta ia memberi seribu erti buat penuntut ilmu selepas zaman beliau.

Latar Belakang Karya *al-Abwāb wa al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*

Karya ini lebih tertumpu dalam membincangkan tajuk-tajuk dan bab-bab dalam karya al-Ṣaḥīḥ al-Bukhari. Al-Kāndahlawī juga turut mengutarakan 70 uṣūl yang perlu diketahui ketika berinteraksi dengan karya al-Bukhari tersebut. Beliau cuba untuk mencungkil maksud tersirat disebalik tajuk-tajuk yang dibina oleh al-Bukhari. Selain itu, beliau juga turut menekankan kejajaran tajuk-tajuk dan bab-bab dalam karya tersebut. Menurut al-Kāndahlawī (2012), karya-karya berkaitan al-Abwāb dan al-Tarājim telah begitu banyak yang telah digarab oleh para sarjana silam. Di sisi beliau hanya terdapat dua karya sahaja berkaitan al-tarājim iaitu karya Syarḥ Tarājim al-Bukhārī hasil tulisan Musnid al-Hind al-Syāh Waliyullāh al-Dehlawī (m.1239H) dan karya al-Abwāb wa al-Tarājim hasil tulisan Syeikh al-Hind Maulānā Maḥmūd Ḥasan (m.1339H). Menurut Taqiy al-Dīn al-Nadwī (2012), al-Kāndahlawī telah menjadikan empat karya utama sebagai sandaran dalam menulis karya ini. Pertama karya Faṭḥ al-Bārī hasil tulisan al-Ḥafīz Ibn Ḥajar (m.852H), kedua ʿUmdah al-Qārī hasil karangan al-ʿAinī (m.855H), ketiga Irsyād al-Sārī hasil garapan al-Qiṣṭallānī (m.923H) dan keempat Syarḥ Tarājim al-Bukhārī hasil karangan Syeikh al-Hind Maḥmūd Ḥasan (m.1339H). Menurut Taqiy al-Dīn al-Nadwī (2012) lagi, al-Kāndahlawī bukan hanya menaḥqal dan mentalkhīṣ sahaja daripada keempat-empat karya tersebut. Bahkan lebih daripada itu, beliau turut memasukkan perbincangan pendirian para sarjana lain dan seterusnya beliau akan mentarjīḥkan pendirian yang paling tepat berdasarkan penelitian beliau. Selain itu, al-Kāndahlawī juga menyentuh hampir semua tajuk-tajuk al-Bukhari walaupun dengan cara yang ringkas pada sesetengah tempat. Al-Kāndahlawī juga memberi tumpuan terhadap perbincangan yang sukar difahami oleh sesetengah sarjana. Seterusnya beliau akan menerangkan hikmah pembentukan sesebuah tarjamah yang diaplikasikan oleh al-Bukhari.

1. Karya *al-Abwāb wa al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* Ditahkik

Karya ini telah ditahqiq oleh al-Syeikh Waliy al-Dīn al-Nadwī dengan sokongan ayah beliau, al-Syeikh Taqiy al-Dīn al-Nadwī. Sekumpulan pengkaji daripada Markaz al-Syeikh Abī al-Ḥasan al-Nadwī li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah turut menyumbang bakti dalam mentahqiq karya ini. Antara fokus utama dalam tahqiq karya ini adalah membincangkan latar belakang al-Dehlawī serta karya-karya al-Kāndahlawī, menyandarkan atau *al-ʿazwu* nas-nas dalam karya ini kepada sumber asal, membuat taʿlīq pada beberapa tempat dengan tujuan menambah faedah, mentakhrīj hadith-hadith, mentaṣṭiḥ kesalahan cetakan lama dan menyusun semula karya ini dengan menggunakan susunan nombor al-Syeikh Muḥammad Fuʿād ʿAbd al-Bāqī (m.1968). Al-Kāndahlawī dibantu oleh dua oleh murid kesayangan beliau iaitu Maulānā Muḥammad Salmān dan Maulānā Muḥammad ʿĀqil yang merupakan tenaga pengajar di Madrasah Mazāhir al-ʿUlūm. Jilid 2 selesai digarap pada hari Khamis bertepatan dengan 29 Zul Qaedah 1392 Hijrah iaitu sepuluh tahun sebelum kematian al-Kāndahlawī.

2. Permulaan Penulisan *al-Abwāb wa al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*

Karya mula ditulis pada waktu dhuha hari Rabu 28 Zul Hijjah 1390 H. Penulisan ia mula ditulis ketika beliau berada di Masjid Nabawi pada tahun tersebut. Karya ini selesai diteliti dan disemak untuk kali yang kedua

pada hari Khamis 20 Ramadan 1401 H. Iaitu lebih kurang setahun sebelum al-Kāndahlawi pulang ke rahmatullāh. Penulisan karya ini memakan masa selama lebih 10 tahun termasuk semakan dan penelitian kali yang kedua. Al-Kāndahlawi (m.1402H) (2012) menutup karya beliau ini dengan ungkapan berikut:

“Inginku nyatakan di akhir garapan ini bahawa segala pendirianku yang zahir pada pandanganku sama ada secara *ṣarīḥ* ataupun *istinbāṭ* adalah berdasarkan pengamatku, sekiranya ia bertepatan dengan kehendak sebenar al-Imām al-Bukhari, maka ia sebenarnya adalah anugerah dan *taufiq* daripada Allah SWT. Tetapi sekira pendirianku tidak tepat dengan kehendak sebenar al-Bukhari, maka ia adalah kelemahan dan kesalahanku. Dan al-Bukhari berlepas daripada kesalahan tersebut”.

Penggunaan Ungkapan *Al-Aujah ‘Indī*

Perkataan (أوجه) berasal daripada perkataan (وجه) (Fairūz Abādī 2008) yang bererti (مستقبل كل شيء) iaitu menghadap setiap sesuatu dan kata jamaknya ialah (أوجه) (Al-Zabīdī 1965). Perkataan (أوجه) merupakan *isim tafḍīl* dan ia membawa maksud paling tepat. Oleh itu, penggunaan perkataan *aujah ‘indī* oleh al-Kāndahlawi (m.1402H) membawa maksud “pandangan paling tepat di sisiku”.

Penulis mendapati bahawa al-Kāndahlawi (m.1402H) menggunakan beberapa ungkapan *tarjīḥ* bagi menyatakan pendirian beliau terhadap sesuatu isu. Antara perkataan *tarjīḥ* yang paling kerap digunakan oleh beliau ialah (الأوجه عندي). Ungkapan *al-aujah ‘indī* yang diutarakan oleh al-Kāndahlawi membawa beberapa maksud yang berbeza. Oleh itu, penulis membahagikan ungkapan *al-aujah ‘indī* kepada tujuh, iaitu:

- a- *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Ḥukum*
- b- *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Tarjamah Al-Muqayyadah*
- c- *Al-Aujah ‘Indī Li Ta’kīd Al-Aqwāl Al-Jahābidhah*
- d- *Al-Aujah ‘Indī Li Radd Aqwāl Al-Jahābidhah*
- e- *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Tarjamah*
- f- *Al-Aujah ‘Indī Fī Bayān Barā’ah Al-Ikhtitām*
- g- *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Ḥadīth*

1. *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Ḥukum*

Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Ḥukum bermaksud “pandangan yang paling tepat di sisiku dengan tujuan untuk menerangkan hukum”. Berdasarkan kajian penulis, penulis mendapati bahawa al-Kāndahlawi (m.1402H) sering menggunakan ungkapan *al-aujah ‘indī* dengan tujuan untuk memberikan penerangan sesuatu hukum. Perbahasan yang diketengahkan oleh al-Kāndahlawi dalam sesuatu isu kebiasaannya tidak berpusatkan kepada satu mazhab sahaja. Beliau akan mengemukakan beberapa pendirian daripada pendukung mazhab berbeza. Sebaik sahaja beliau mengemukakan pendirian sarjana lain, beliau akan mengemukakan pendirian beliau dengan tujuan menjelaskan hukum sesuatu perbahasan. Contohnya seperti berikut:

والأوجه عندي: أن ما سيأتي في صيام البخاري من قوله: «والله لا أتطوع شيئاً ولا أنقص مما فرض» ينافي التأويل المشهور من التبليغ، واختلفوا في جوابه أيضاً، والأوجه فيه عندي: أن المقتصر على الواجبات دون الآتي بالتطوعات ناجح بلا ريب كما صرح بذلك النووي، وسيأتي في الصيام من كلام الحافظ، ومع هذا لما كانت التطوعات مكملات للفرائض فلا بد من إتيانها، فإن إتيان الصلاة بأدائها وبكمالها عسير جداً

Terjemahan : Dan yang paling ajujah disisiku, sesungguhnya apa yang akan dilanjutkan berkenaan perbahasan puasa pada ungkapan “Demi Allah, saya tidak akan tambah perkara sunat lain dan juga tidak akan mengurangkan ibadat lebih daripada apa yang telah difardukan”. Ungkapan ini sebenarnya menafikan takwilan yang masyhur daripada *tabligh*. Dan mereka (*syurrāḥ*) berselisih pandangan pada jawapannya juga. Dan yang paling ajujah di sisiku tentang isu ini adalah tajuk dan *hadis* ini ditumpukan kepada ibadat fardu yang boleh menyelamatkan seseorang tanpa ragu, sebagaimana yang telah diperincikan oleh al-Nawawi. Dan akan dibahaskan oleh Ibn Ḥajar dalam bab puasa. Selain itu juga, perkara sunat merupakan pelengkap kepada ibadat fardu. Oleh itu perkara sunat perlu dilakukan juga. Sesungguhnya untuk menyempurnakan fardu solat dengan baik adalah sangat sukar (al-Kāndahlawi 2012, 2: 401)

Petikan di atas adalah perbahasan pada (باب الزكاة من الاسلام). Selepas tajuk ini, al-Bukhari meletakkan ayat berikut:

قوله عز وجل: ﴿وما أمروا إلا ليعبدوا الله مخلصين له الدين ويقيموا الصلاة ويؤتوا الزكاة وذلك دين القيمة﴾ البينة: 5

Terjemahan : Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus (al-Bayyinah, ayat 5)

Bab ini merupakan bab ke-34 dan terletak dalam *Kitāb al-Īmān* (Al-Bukhari 2012). Berikut merupakan periwiyatan yang diriwayatkan dalam bab tersebut:

حدثنا إسماعيل قال: حدثني مالك بن أنس، عن عمه أبي سهيل بن مالك، عن أبيه، أنه سمع طلحة بن عبيد الله يقول: جاء رجل إلى رسول الله ﷺ من أهل نجد، ثائر الرأس، يسمع دوي صوته ولا يفقه ما يقول، حتى دنا، فإذا هو يسأل عن الإسلام، فقال رسول الله ﷺ: (خمس صلوات في اليوم والليلة) فقال: هل علي غيرها؟ قال: (لا إلا أن تطوع). قال رسول الله ﷺ: (وصيام رمضان). قال هل علي غيره؟ قال: (لا إلا أن تطوع). قال: وذكر له رسول الله ﷺ الزكاة، قال: هل علي غيرها؟ قال: (لا إلا أن تطوع). قال: فأدبر الرجل وهو يقول: والله لا أزيد على هذا ولا أنقص، قال رسول الله ﷺ: (أفلح إن صدق).

Terjemahan : Ismail telah menceritakan kepada kami, beliau berkata “Mālik bin Anas telah menceritakan kepadaku”, daripada pakciknya Abī Suhail bin Mālik, daripada ayah beliau, sesungguhnya ayahnya telah mendengar Ṭalhah bin ‘Uбайдillah berkata, “ Seorang lelaki dari Najd telah datang berjumpa Rasūlullāh ﷺ dalam keadaan rambutnya yang kusut, suaranya tenggelam timbul dan tidak difahami apa yang dituturkan oleh lelaki tersebut. Apabila beliau mendekati Rasūlullāh ﷺ, beliau mengajukan soalan kepada baginda ﷺ tentang dasar agama Islam. Lalu baginda ﷺ menjawab “ Tunaikan solat lima kali sehari semalam”. Beliau menambah “ Adakah saya perlu menambah selain itu?”. Jawab Baginda ﷺ “ Tidak, kecuali jika anda ingin menambah perkara sunat secara sukarela”. Baginda ﷺ menambah lagi “ Puasa pada bulan Ramadan”. Beliau bertanya lagi, “Adakah saya perlu menambah selain daripada itu?”. Jawab baginda, “ Tidak perlu kecuali jika anda sukarela untuk tambah perkara sunat”. Baginda ﷺ seterusnya menyebut kepadanya tentang zakat. Beliau bertanya “ Adakah perlu saya menambah selain daripada itu?”. Jawab baginda ﷺ “Tidak perlu kecuali anda sukarela untuk menambah perkara sunat”. Seterusnya Ṭalhah berkata “ Lelaki tersebut seterusnya beredar sambil berkata “ Demi Allah saya tidak akan tambah dan tidak akan kurangkan daripada apa yang telah difardukan”. Lalu baginda ﷺ bersabda “ Dia berjaya sekiranya dia benar” (al-Bukhari 2012, no. 46).

Berdasarkan tajuk dan ayat al-Qurān yang diletakkan oleh al-Bukhari, Ibn Hajar (2001) berpendirian bahawa perkataan *al-dīn al-qayyim* dalam teks al-Quran yang dimaksudkan adalah *dīn al-Islām*. Oleh itu terdapat keselarasan antara tajuk dengan ayat al-Qurān iaitu, *Bab Zakat Merupakan Salah Satu Daripada Agama Islam* (باب الزكاة من الاسلام). Menurut Ibn Hajar lagi, perkataan ayat al-Quran dan teks hadis yang selebihnya dijadikan sebagai item tajuk yang berlainan (أفرده بترجم أخرى). Menurut al-Kāndahlawi (2012), berdasarkan teks hadis yang diriwayatkan menunjukkan bahawa perkara yang fardu difokuskan dalam hadis ini. Perkara fardu boleh menyelamatkan seseorang daripada neraka. Namun ibadat sunat merupakan penampung terhadap kekurangan pada ibadat fardu. Pendirian al-Kāndahlawi ini telah diutarakan oleh beliau dengan menggunakan perkataan *al-aujah ‘indī*. Ini menunjukkan bahawa *al-aujah ‘indī* yang digunakan oleh al-Kāndahlawi dengan tujuan untuk menerangkan hukum perkara fardu dan sunat. Oleh itu ia sangat sesuai dimasukkan di bawah kategori *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Ḥukum*.

2. *Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Tarjamah Al-Muqayyadah*

Al-Aujah ‘Indī Li Bayān Al-Tarjamah Al-Muqayyadah bermaksud “pandangan yang paling tepat disisiku dengan tujuan menjelaskan tajuk yang berpautan”. Al-Kāndahlawi juga mengambil inisiatif untuk mengutarakan pendirian beliau terhadap beberapa tajuk yang dibina oleh al-Bukhari (m. 259H) dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*. Pendirian yang dikemukakan oleh al-Kāndahlawi ini bagaikan mengisi ruang kosong yang perlu dipenuhi agar keindahan binaan tajuk al-Bukhari tetap utuh sepanjang zaman. Contoh bagi *al-aujah ‘indī* jenis ini adalah seperti berikut:

والأوجه عندي: أن الحاصل من ملاحظة الترحمتين السابقتين الاعتدال، وهذا الباب كالنص فيه، أو يقال: إنه إشارة إلى سبب الباب السابق، فإن الإكثار قد يكون سبب الترك، والأوجه منه أن يقال: إن هذا الباب لأشئت ما ورد في فضل التهجد من الروايات المتفرقة، وينتهي هذا الباب إلى المداومة على ركعتي الفجر، والباب الآتي من قبيل باب في باب.

Terjemahan : “Dan yang paling tepat disisiku : Sesungguhnya hasil daripada penelitian terhadap dua tajuk sebelum tajuk ini iaitu bab ini adalah seperti nas yang terkandung di dalam bab ini. atau boleh dikatakan sesungguhnya bab ini memberi isyarat kepada sebab bab yang sebelumnya. Maka sesungguhnya memperbanyakkan kadang-kala menjadi sebab untuk meninggalkannya. Dan yang lebih tepat daripada itu boleh dikatakan “bab ini mempelbagaikan lagi periwayatan berkaitan kelebihan solat tahajud dengan periwayatan yang berasingan. Dan berakhir bab ini adalah dengan melazimi solat sunat Fajar. Bab yang berikutnya bertindak sebagai *bāb fi bāb*” (al-Kāndahlawi, 3: 132).

Petikan di atas merupakan ungkapan al-Kāndahlawi (m.1402H) ketika memberi penjelasan berkenaan solat tahajjud. Bab ini merupakan *bāb bilā tarjamah* atau bab tanpa tajuk. Bab ini merupakan bab ke-20 dalam *Kitāb al-Tahajjud*, iaitu *Kitāb* ke-19 dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*. Berdasarkan petikan di atas, jelas kepada kita bahawa al-Kāndahlawi telah menggunakan perkataan *al-aujāh ‘indī* ketika membuat huraian terhadap bab tanpa tajuk. Secara zahirnya juga, beliau telah mengaitkan bab tanpa tajuk ini dengan dua bab sebelumnya. Menurut beliau, intipati bab tanpa tajuk ini dapat difahami daripada nas periwayatan yang dibawakan dalam bab ini. Dengan kata lain, walaupun bab ini tidak ditulis tajuk, kehendak bab ini dapat difahami daripada *hadis* yang diriwayatkan dalam bab ini. Tambahan pula, bab ini mempunyai pautan yang kuat dengan dua bab sebelumnya. Justeru itu, penggunaan *al-aujāh ‘indī* dalam perbincangan ini sangat sesuai dikategorikan sebagai *al-aujāh ‘indī li bayān al-tarjamah al-muqayyadah*.

3. *Al-Aujāh ‘Indī Li Ta’kīd Al-Aqwāl Al-Jahābidhah*

Al-Aujāh ‘Indī Li Ta’kīd Al-Aqwāl Al-Jahābidhah bermaksud “pandangan yang paling tepat disisiku untuk menguatkan pendirian-pendirian sarjana”. Berdasarkan kajian penulis, al-Kāndahlawi (m.1402H) sering menggunakan perkataan *al-aujāh ‘indī* dengan tujuan menguatkan beberapa pendirian sarjana lain dalam perbincangan tertentu. Dengan kata lain, ia merupakan sokongan beliau terhadap pendirian yang dinyatakan oleh sarjana sebelum beliau. Sokongan ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang mempunyai sikap keterbukaan terhadap pendirian sarjana lain. Contoh bagi *al-aujāh ‘indī* bagi kategori ini adalah seperti berikut:

والأوجه عند هذا العبد الضعيف: أن الإمام البخاري أشار بذلك إلى مسألة خلافية ذكرها الحافظ، وستأتي قريباً

Terjemahan : “Dan yang paling tepat di sisi hamba yang daif ini adalah al-Imam al-Bukhari ingin mengisyaratkan perkara tersebut kepada masalah khilafiyah. Dan ia telah diperbahaskan oleh Ibn Hajar. Perbincangan tersebut akan dibentangkan selepas ini” (al-Kāndahlawi, 4: 22)

Petikan di atas merupakan ungkapan al-Kāndahlawi pada (باب هل يعطى أكبر من سنه) yang merupakan bab ke-6 di dalam *Kitāb Fī al-Istiqrāḍ Wa Adā’ al-Duyūn*. *Kitāb* ini merupakan kitab ke-43 dalam karya *al-Ṣaḥīḥ* (Al-Bukhari 2010). Dalam bab ini diperbahaskan berkenaan adakah dibolehkan memberi bayaran kepada pemiutang lebih daripada jumlah sebenar hutang. Al-Kāndahlawi telah menyatakan pendirian beliau bahawa al-Bukhari (m.256H) mengisyaratkan perbuatan tersebut merupakan salah satu daripada masalah *khilafiyah*. Ungkapan *al-aujāh ‘indī* al-Kāndahlawi di atas juga menunjukkan sokongan terhadap tindakan Ibn Hajar (m.852H) yang telah memperincikan perbincangan tersebut dalam karya beliau yang berjudul *al-Fath*. Oleh itu penulis memasukkan *al-aujāh ‘indī* dalam bab ini ke dalam kategori *al-Aujāh ‘Indī Li Ta’kīd Al-Aqwāl al-Jahābidhah*.

4. *Al-Aujāh ‘Indī Li Radd Aqwāl Al-Jahābidhah*

Kategori ini pula bermaksud penggunaan ungkapan *al-aujāh ‘indī* yang membawa mesej untuk menolak pendirian sarjana lain. Kebiasaannya al-Kāndahlawi akan menggunakan juga perkataan “disisi hamba yang daif ini” bagi menunjukkan adab beliau apabila ingin *radd* pendirian sarjana lain. Berikut merupakan contoh bagi kategori ini.

والأوجه عند هذا العبد الضعيف: أن من عادة الإمام البخاري المعروفة ذكر الأضداد في الكتب، وهو الأصل التاسع والستون من أصول التراجم، فنه الإمام البخاري بذكر هذا الحديث هاهنا أن المال الذي عرف مالكة ليس بداخل في اللقطة، وذكره في باب بلا ترجمة؛ لأن الباب بلا ترجمة يكون لوجوه مختلفة، تقدم في المقدمة، منها الأصل الخامس والعشرون: أنه قد يحذف الترجمة تشجيذا للأذهان، فينبغي أن يترجم هذا الباب بما قلته: إن المال الذي عرف مالكة ليس بلقطة، ويمكن إدخاله في الأصل السابع والخمسين أيضا باعتبار أنه لا تعلق له بالترجمة السابقة، بل هو رجوع إلى الأصل، وهو أبواب اللقطة باعتبار الضد؛ كذكر أبواب الكفر في كتاب الإيمان

Terjemahan : Dan yang paling tepat di sisi hamba yang daif ini adalah kebiasaan tindakan al-Imam al-Bukhari yang diketahui umum ialah menyebut perkara yang bertentang dengan kitāb. Ini merupakan uṣūl al-tarājim yang ke-69. Oleh itu, al-Bukhari memberi perhatian dengan meriwayatkan *hadis* tersebut di sini dengan tujuan ingin menyatakan bahawa harta yang diketahui oleh pemiliknya bukanlah termasuk dalam al-luqaṭoh. Tambahan pula, beliau meriwayatkan *hadis* tersebut pada bāb bi lā tarjamah. Ini kerana bab yang tiada tajuk boleh difahami daripada dimensi yang berbeza. Sebagaimana yang telah diterangkan pada muqaddimah. Antaranya adalah dibuang tajuk bab dengan tujuan untuk mengasah minda pembaca. Maka sesuai juga diletakkan tajuk bagi bab ini dengan tajuk “Bab bagi harta yang diketahui oleh pemiliknya bukan termasuk harta al-luqaṭoh”. Boleh juga dikategorikan bab ini dalam uṣūl yang ke-57 kerana kriterianya yang tiada kaitan dengan tajuk sebelum, bahkan ia merujuk kepada asal, iaitu abwāb al-luqaṭoh tetapi dengan berlawanan. Sebagaimana al-Bukhari menyebut Abwāb al-Kufr dalam Kitāb al-Īmān (al-Kāndahlawi, 4: 48-49)

Petikan di atas merupakan huraian al-Kāndahlawi pada bab tanpa tajuk. Iaitu bab ke-12 dalam *Kitāb al-Luqaṭoh*. *Kitāb* ini merupakan *kitāb* ke-45 dalam karya *al-Ṣaḥīḥ* (Al-Bukhari 2010). Hadis yang diriwayatkan adalah berkaitan dengan kisah Abu Bakar r.a. yang mengambil susu kambing daripada seorang penggembala kambing di suatu kawasan. Abu Bakar mengenali majikan penggembala tersebut (Al-°Ainī 2001). Periwatyan ini mendapat perhatian para *syurrāh* kerana ia seolah-olah tiada kesinambungan dengan tajuk *kitāb* (Ibn Ḥajar 2001). Manakala Ibn al-Munayyir (m.683H) tampil membuat *iḥtimāl* dengan mengatakan bahawa dibolehkan meminum air susu kambing kerana seperti sama perihal orang yang kehilangan barang tetapi tidak mendapati tuan kambing kecuali hanya mendapati penjaga kambing sahaja (Ibn al-Munayyir 1990). Namun masih lagi belum menampakkan kesinambungannya. Dalam menjelaskan kesinambungan ini, al-Kāndahlawi tampil dengan menggunakan ungkapan *al-aujah °inda hādhā al-°abd al-da°f* seterusnya membuat huraian terhadap tajuk ini. Huraian beliau dikaitkan dengan dua *uṣūl al-tarājim*, iaitu usul ke-69 dan usul ke-57. Jika dilihat sepintas lalu, periwatyan dalam bab tanpa tajuk ini dilihat tidak sesuai diletakkan dalam *kitāb* ini (Ibn Ḥajar 2001), namun jika diteliti dengan mendalam, sebenarnya ia bertepatan dengan usul ke-69, iaitu menyebut perkara yang bertentangan atau berlawanan. Al-Kāndahlawi telah menyokong tindakan al-Bukhari ini dengan cara membawa *iḥtimāl* yang lebih sesuai untuk memahami bab tanpa tajuk ini. Oleh itu, penulis memasukkan jenis *al-aujah °indī* ini dalam kategori *al-Aujah °Indī Li Radd Aqwāl al-Jahābidhah*.

5. *Al-Aujah °Indī Li Bayān Al-Tarjamah*

Al-Aujah °Indī Li Bayān Al-Tarjamah bermaksud “pandangan yang paling tepat disisiku dengan tujuan untuk menjelaskan tarjamah”. Penulis mendapati al-Kāndahlawi sering menggunakan perkataan *al-aujah °indi* dengan tujuan memberi penjelasan terhadap sesuatu tajuk tertentu. Sebagaimana yang telah kita maklum bahawa tajuk-tajuk dalam karya *al-Ṣaḥīḥ* dipenuhi dengan maksud tersirat. Oleh yang demikian, al-Kāndahlawi (m.1402H) tampil menyatakan pendirian dengan tujuan memberi penjelasan terhadap maksud tersirat di sebalik tajuk al-Bukhari. Berikut merupakan contoh bagi kategori *al-aujah °indī li bayān al-tarjamah*:

والأوجه عندي: أن الإمام البخاري أشار بالترجمة إلى دفع ما يتوهم من قول سلمان: إن الأرض لا تقدس أحده، أخرجه مالك في الموطأ أن لا فرق بين الدفن في الأرض المقدسة وغيرها، فدفعه المصنف بهذه الترجمة، انتهى.

Terjemahan : “Dan pandangan yang paling tepat disisiku : Sesungguhnya al-Imām al-Bukhari memberi isyarat di sebalik tajuk adalah dengan tujuan menyangkal perkataan Salman r.a iaitu “Sesungguhnya bumi itu tidak boleh menyuci seseorang pun”. Perkataan Salman r.a ini diriwayatkan oleh Mālik dalam al-Muwatṭa’, iaitu sesungguhnya tiada beza mengebumikan seseorang di bumi muqaddasah ataupun tidak. Maka pengarang (al-Bukhari) menyangkal dakwaan tersebut melalui tajuk

ini” (al-Kāndahlawi, 3: 217).

Petikan di atas merupakan huraian al-Kāndahlawi ketika menghuraikan tajuk bab (باب من أحب الدفن) yang bermaksud “*Bab siapa yang suka untuk dikebumikan di bumi al-muqaddasah atau seumpamanya*”. Bab ini adalah bab ke 68 dalam *kitab al-Janā'iz*. Iaitu *kitāb* ke 23 dalam karya *al-Ṣaḥīḥ* (Al-Bukhari 2010). Petikan di atas merupakan pendirian al-Kāndahlawi ketika menjelaskan tajuk bab tersebut. Jelas kepada kita bahawa al-Kāndahlawi lebih berpendirian bahawa tanah suci memberi kesan baik buat jenazah. Penggunaan ungkapan *al-aujah 'indī* dalam contoh ini menunjukkan bahawa beliau ingin memberikan huraian atau penjelasan lanjut bagi tajuk bab tersebut.

6. *Al-Aujah 'Indī Fī Bayān Barā'ah Al-Ikhtitām*

Al-Kāndahlawi (m.1402H) turut menggunakan ungkapan *al-aujah 'indī* ketika ingin memberikan penjelasan terhadap *barā'ah al-ikhtitām*. Implikasi daripada tindakan al-Kāndahlawi ini secara tidak langsung akan memperindahkan lagi penutup setiap *kitāb* dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*. Tambahan pula jika Ibn Hajar berdiam diri terhadap *al-barā'ah*, kelompongan di sudut ini dipenuhi oleh pendirian al-Kāndahlawi dan ianya merupakan salah satu inovasi daripada pihak al-Kāndahlawi. Berikut merupakan contoh tersebut:

والأوجه عندي: أن البراعة في قوله: «كلكم مسؤول» فإن المسؤولية تكون في الآخرة، فافهم

Terjemahan : Dan yang paling tepat di sisiku adalah *barā'ah* pada perkataan ((setiap kamu dipertanggungjawabkan)) kerana sesungguhnya tanggungjawab yang sebenar adalah pada hari kiamat, fahamilah” (al-Kāndahlawi, 4: 31)

Petikan di atas merupakan ungkapan al-Kāndahlawi pada bab (باب العبد راع في مال سيده), iaitu bab ke 20 dalam *Kitāb al-Istiqrāḍ Wa Adā' al-Duyūn*. *Kitāb* ke 43 (Al-Bukhari 2010). Petikan di atas merupakan pendirian al-Kāndahlawi ketika berinteraksi dengan *barā'ah al-ikhtitām*. Beliau menggunakan ungkapan *al-aujah 'indī* ketika memberi penjelasan terhadap *barā'ah* tersebut. Tambahan pula, Ibn Hajar (m.852H) tidak memberi sebarang komentar terhadap *barā'ah* pada penutup *kitāb* tersebut (Ibn Hajar 2001). Ia merupakan salah satu inovasi al-Kāndahlawi terhadap *barā'ah al-ikhtitām*.

7. *Al-Aujah 'Indī Li Bayān Al-Ḥadis*

Kajian ini mendapati bahawa al-Kāndahlawi menggunakan ungkapan *al-aujah 'indī* untuk menyatakan pendirian beliau ketika ingin berinteraksi dengan teks *hadis*. Dengan kata lain, *al-aujah 'indī* beliau adalah bertindak untuk menghuraikan teks *hadis*. Berikut merupakan contoh bagi *al-aujah 'indī* bagi kategori ini:

قلت: والأوجه عندي أن هذه الصفات التي ذكرتها خديجة في النبي ﷺ هي التي ذكرها ابن الدغنة في أبي بكر الصديق رضي الله تعالى عنه عند مهاجرته إلى الحبشة، وهي أصرح دليل على حصول النسبة الاتحادية لأبي بكر مع النبي ﷺ، فكان قلبه على قلبه ﷺ سواء، وهي كانت موجبة لاتصال خلافته بالنبي ﷺ

Terjemahan : Kataku “Dan yang paling tepat di sisiku ialah sesungguhnya sifat-sifat Nabi ﷺ sebagaimana yang disebutkan oleh Khadījah r.ha adalah sama seperti yang disebutkan oleh Ibn al-Daghinah tentang sifat Abu Bakar r.a ketika ingin berhijrah ke Habsyah. Ia merupakan dalil yang paling utuh berkenaan persamaan sifat yang dimiliki oleh Abu Bakar r.a dan Nabi ﷺ. Sanubari Abu Bakar adalah seperti sanubari Nabi ﷺ. Oleh sebab itu, beliau merupakan orang yang paling layak menerajui kepimpinan selepas kewafatan Nabi ﷺ (al-Kāndahlawi, 2: 298)

Petikan di atas merupakan huraian al-Kāndahlawi terhadap teks *hadis* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2010):

فقلت خديجة: كلاً، أبشِرْ، فَوَاللَّهِ لَا يُحْزِبُكَ اللَّهُ أَبَدًا؛ إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ،

Terjemahan: Berkata Khadījah RA “Sesekali tidak, bergembiralah, demi Allah, Dia tidak akan menghinamu selama-lamanya. Sesungguhnya engkau menyambung ikatan silaturrahim” (al-Bukhari 2012, no. 6982)

Kenyataan Khadījah RA ini menerangkan sifat-sifat yang dimiliki oleh Nabi ﷺ sebelum dilantik sebagai Rasul. Menurut al-Kāndahlawi, sifat-sifat Abu Bakar r.a juga sama sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Daghinah. Berikut merupakan kenyataan Ibn al-Daghinah:

فإن مثلك يا أبا بكر لا يخرج ولا يُخرج؛ إنك تكسب المعدوم، وتصل الرحم،

Terjemahan : Sesungguhnya sepertimu wahai Abu Bakar, tidak dihalau, sesungguhnya engkau membantu orang yang tiada harta dan engkau juga menyambung silaturrahim (Al-Bukhari 2012, no. 2297)

Dalam berinteraksi dengan teks *hadis* ini, al-Kāndahlawi telah mengutarakan pandangan Ibn al-Dughnah terhadap Abu Bakar r.a. Oleh itu, penulis mendapati *al-aujah ʿindī* yang diungkapkan oleh al-Kāndahlawi ini adalah bertujuan untuk memberikan huraian terhadap teks *hadis* tersebut. Pada masa yang sama, al-Kāndahlawi juga sebenarnya sedang mengaplikasikan kaedah komperatif dalam memahami teks *hadis*.

KESIMPULAN

Berdasarkan pecahan *al-aujah ʿindī* yang dinyatakan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa tujuan dan maksud al-Kāndahlawi di sebalik ungkapan *al-aujah ʿindī* adalah berbeza-beza dan bukannya hanya mempunyai satu tujuan sahaja. Oleh itu, tujuan dan maksud al-Kāndahlawi di sebalik perkataan *al-aujah ʿindī* sewajarnya diperhatikan dengan sebaiknya oleh semua pembaca karya beliau terutamanya karya *al-Abwāb wa al-Tarājim li Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Rujukan

- ʿAbd al-Mājid al-Ghaurī. 2019. *Manhaj Zakariyya al-Kāndahlawī Fī Aujaz al-Masālik*. Selangor: KUIS INHAD
- al-Bukharī, Abī ʿAbd Allāh Muḥammad Bin Ismāʿīl. 2012. *Ṣaḥīḥ Al-Bukharī*. Riyāḍ: Dār al-Taʿshīl
- Binyūnis al-Waliy. 2004. *Ḍawābiḥ al-Tarjīḥ ʿInda Wuḥūc al-Taʿāruḍ Ladā al-Uṣūliyyīn*. Riyādh: Maktabah Aḍwāʿ al-Salaf
- Fairūz Ābādī, Majduddīn Muḥammad Bin Yaʿqūb. 2008. *Qāmūs al-Muḥīṭ*. Cetakan Keempat. Cairo: Dār al-Hadīth
- Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī. 2010. *Al-Hady al-Sārī Syarḥ Gharīb al-Bukhārī*. Cetakan Ketiga. Beirut: Dār al-Maʿrifah
- Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī. 2001. *Fath al-Bārī Fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Cetakan Pertama. Mesir: Maktabah Mesir
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram. 1999. *Lisān al-ʿArab*. Amīn Muḥammad bin ʿAbd al-Wahhāb & Muḥammad al-Ṣādiq al-Buʿaīdī (Pnyt) . Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī
- Ibn Al-Munayyir, Nāṣir Al-Dīn Aḥmad Bin Muḥammad. 1990. *Al-Mutawārī Alā Abwāb Al-Bukhārī*. ʿAli Ḥasan ʿAli ʿAbd Al-Ḥamīd (pnyt). Beirut: Al-Maktab Al-Islamī
- Al-Kāndahlawi, Muḥammad Zakariyya. 2012. *Al-Abwāb Wa Al-Tarājim Li Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah
- Al-Kāndahlawi, Muḥammad Zakariyya. 2003. *Aap Beeti: Autobiography of Qutbul Aqtaab Shaikhul Hadith Hazrat Maulana Zakariya Kandhlawi*. Dar al-Isyāʿāt
- Al-Kāndahlawi, Muḥammad Zakariyya. 1420. *Kanz al-Mutawārī fī Maʿādin Lāmiʿ al-Darārī wa Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pakistan: Al-Khalil Publishing House
- Maryam Muḥammad Ṣāliḥ al-Zafīrī (2002). *Muṣṭalahāt al-Madhāhib al-Fiqhiyyah wa Asrār al-Fiqh al-Marmūz fī al-ʿAlām wa al-Kutub wa al-Ārāʾ wa al-Tarjīḥāt*. Mesir: Dār Ibn Ḥazm
- Muhammad Said Al-Mujahed. 2020. Giving Preference (Tarjih) Between Texts with Attribution: Referring To Narrators Standards: الترجيح بين النصوص بالإسناد: مرجحات تعود إلى الراوي أنموذجًا. Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies, 19(1), 98–118
- Muhammad Syahid. 2005. *Ulamāʾ Mazāhir Al-ʿUlūm Wa Injāzātuhum Al-ʿIlmiyyah Wa Al-Taʿlīfiyyah*. Sahāranfūr: Maktabah al-Syeikh al-Tidhkāriyyah.
- Muhammad Syakir Umair Al-Maʿrūfī. 2010. *Rayḥānah Al-Hind Syeikh Al-Hadis Muḥammad Zakariyyā Al-Kāndahlawi Ḥayāthuhu Wa Khidmatuhū Fī ʿUlūm Al-Hadis*. Sahāranfūr: Majmaʿ al-Syeikh Muḥammad Zakariyyā
- Al-Suhailī, ʿAbd al-Raḥmān bin ʿAbdullāh bin Aḥmad. 2000. *Al-Rauḍ Al-Anf*. ʿUmar ʿAbd al-Salām al-Salāmī (pnyt). Bierut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī